

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK WEE JECK SENG
KAWASAN : TANJONG PIAI
TARIKH : 21 OKTOBER 2015, RABU

SOALAN:

YB. DATUK WEE JECK SENG (TANJONG PIAI) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi papan tanda arah yang tidak reflektif pada waktu malam dan berkemungkinan menyebabkan kemalangan dan banyak papan tanda arah dalam keadaan rosak, gelap dan ditutup oleh dahan pokok, lokasi ia juga dekat sangat dengan persimpangan jalan raya. Apakah garis panduan yang dirombak semula dan usaha yang akan dibuat untuk menyelesaikan masalah kekurangan infrastruktur seperti papan tanda terutamanya di kawasan ekopelancongan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini mengambil maklum dan prihatin mengenai aduan berkaitan kelemahan papan tanda-papan tanda penunjuk arah jalan di Jalan Persekutuan. Ini termasuklah aduan mengenai papan tanda arah yang terhalang oleh objek-objek lain, papan tanda yang tidak seragam, berlaku duplikasi papan tanda atau ketiadaan kesinambungan arah papan tanda sehingga mengakibatkan pengguna merasa keliru untuk mencari destinasi mereka.

Sehubungan itu, kementerian ini menerusi Jabatan Kerja Raya (JKR) pada tahun 2014 telah melaksanakan projek perintis transformasi Papan Tanda dan Tanda Arah Permukaan Jalan. Projek perintis ini telah dilaksanakan di bandar Kuantan, Pahang dengan anggaran kos sebanyak RM8 juta. Projek inovasi ini merupakan salah satu projek di bawah program transformasi perkhidmatan awam di mana ia telah memberikan impak yang besar walaupun dilaksanakan dalam tempoh masa yang singkat (6 bulan). Projek ini menggunakan kaedah “Adopt and Adapt”, iaitu menggabungkan Arahan Teknik Jalan JKR 2E/87 (pindaan 2011) dengan “UK Traffic Signs Manual” dari Department of Transport, United Kingdom.

Berdasarkan Kajian Kepuasan Pelanggan yang telah dijalankan, projek inovasi papan tanda di Kuantan itu telah berjaya mencapai sasaran objektif yang ditetapkan dan memperoleh maklum balas yang positif di mana pengguna dapat mencari destinasi yang dituju dengan

lebih mudah. Kementerian ini merancang untuk meluaskan projek inovasi projek papan tanda ini ke seluruh negara pada masa hadapan. Ini termasuklah menambah maklumat berkaitan lokasi-lokasi pelancongan yang menjadi tumpuan awam.

Sekian. Terima kasih.